

# The Sun

## mohon maaf secara terbuka kepada PM

UM 28 DEC 1988

KUALA LUMPUR 27 Dis. — Akhbar *The Sun* hari ini menyiarkan permohonan maaf secara terbuka kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta keluarga mereka berhubung satu laporan muka depannya kelmarin.

Ia berkaitan laporan kononnya ada pakatan untuk membunuh Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

*The Sun* dalam laporan muka depannya turut menyatakan setelah siasatan lanjut berhubung perkara itu, pihaknya mendapati dakwaan seperti yang dilaporkan itu tidak mempunyai asas.

Laporannya hari ini juga mengesahkan bahawa Ketua Pengarang, Hng Hung Yong yang juga Pengarah Eksekutif Sun Media Corporation Sdn. Bhd. iaitu syarikat yang menerbitkan *The Sun*, telah meletakkan jawatan berkuat kuasa hari ini.

Ketua Pengarang Beritanya, Robert Ho dan wartawan R. Manirajan serta jurugambar Anita Md. Nasir telah digantung perkhidmatan mereka sehingga siasatan mengenai laporan berita itu selesai.

Dalam laporannya hari ini, *The Sun* menyatakan berita itu diterbitkan berdasarkan kepercayaan bahawa maklumat yang diterima oleh wartawan itu berwibawa, tetapi siasatan lanjut oleh pihaknya mendapati ia tidak mempunyai sebarang asas dan tidak sepatutnya disiarkan.

"Kami dengan ini mengambil peluang terawal untuk memperbetulkan kesilapan kami dan memohon maaf yang tidak terhingga kepada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri serta keluarga mereka," menurut laporan itu lagi.